

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan a, berdasarkan kepada rekod pengisian perjawatan Jabatan Penjara pada 30 April 2015, terdapat seramai 13,914 pegawai penjara sedang berkhidmat di Jabatan Penjara. Mereka terdiri dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional seramai 336 orang serta Kumpulan Sokongan seramai 13,578 orang. Walau bagaimanapun, Jabatan Penjara Malaysia tidak mempunyai perjawatan untuk Pegawai Tak Bertauliah atau *Non Commissioned Officer (NCO)*.

Bagi menjawab soalan b pula, berasaskan kepada pengembangan tugas, beban serta tanggungjawab yang dilaksanakan oleh pegawai-pegawai penjara, Jabatan Penjara melalui Kementerian Dalam Negeri dari masa ke semasa telah memohon kepada Jabatan Perkhidmatan Awam agar dipertimbangkan penambahbaikan skim perkhidmatan dan juga elaun-elaun yang diberikan kepada pegawai penjara. Permohonan yang dibuat adalah berasaskan bentuk tugas yang dilaksanakan dan bukannya dibandingkan dengan skim perkhidmatan lain termasuklah Polis DiRaja Malaysia.

Sehingga kini, 2 permohonan yang melibatkan kenaikan gaji dan penambahbaikan skim pegawai penjara serta 8 permohonan yang melibatkan kenaikan elaun dan pewujudan elaun baru telah dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam. Selain itu, satu

lagi permohonan berhubung elaun baru sedang dalam proses untuk dikemukakan.

Mulai tahun 2013, seramai lebih 8,000 wadar dan kopral penjara telah diluluskan Kenaikan Pangkat Berasaskan Kecemerlangan secara *time based* oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.